PEJABAT PENASIHAT UNDANG
TERIMA
20 JUL 1992
KELANTAN

NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 45
No. 14

**2hb Julai 1992**

*TAMBAHAN No. 5*
*PERUNDANGAN*

**Kn. P.U. 5.**

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

### UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihakberkuasa Negeri membuat undang-undang kecil berikut: *Akta 133.*

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1992.** Nama.

2. Undang-undang kecil 2, "Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986" yang disebut sebagai "Undang-Undang Kecil Ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja tafsiran "orang yang berkelayakan" tafsiran yang berikut: Pindaan bagi undang-undang kecil 2. *Kn. G.N. 9/86.*

"'orang-orang yang kurang keupayaan' ertinya orang-orang yang kekurangan keupayaan fizikal, pendengaran atau penglihatan yang memberi kesan terhadap pergerakan atau penggunaan bangunan yang tersebut di bawah undang-undang kecil 34A;".

3. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja undang-undang kecil 34, undang-undang kecil baru 34A yang berikut: Undang-Undang Kecil baru 34A.

"Kehendak-kehendak bangunan untuk orang-orang yang kurang keupayaan

34A. (1) Kehendak-kehendak undang-undang ini hendaklah terpakai kepada semua bangunan berikut atau mana-mana bahagian darinya:

(i) pejabat, bank, pejabat pos, kedai, gedung perniagaan, pasaraya dan lain-lain bangunan